

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.05.2016

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH [KALABAKAN]** minta **MENTERI KEWANGAN**
menyatakan:-

- a. apakah benar pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang tersiar dalam laman web akan dibekukan selepas simati meninggal dunia dan tidak ada waris yang boleh menuntut; dan
- b. jika benar apakah tindakan yang Kerajaan harus ambil untuk waris-warisan dapat menuntut pelaburan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya pemegang unit meninggal dunia, waris boleh membuat tuntutan baki pelaburan simati di mana-mana cawangan ASNB tertakluk kepada baki pelaburan simati dalam unit amanah ASNB seperti berikut:

1. Unit Pelaburan Terkumpul RM10,000 dan ke bawah

Sekiranya simati mempunyai pelaburan terkumpul RM10,000 dan ke bawah dalam tabung unit amanah ASNB, salah seorang waris simati boleh menuntut pelaburan tersebut dengan menghadirkan diri ke cawangan ASNB dengan melengkapkan dan mengemukakan dokumen yang diperlukan seperti berikut:

1. Borang Tuntutan Unit Pelaburan (Borang T1)
2. Salinan Sijil Kematian
3. Salinan Kad Pengenalan waris/pentadbir/wasi
4. Buku dan Sijil Pelaburan Asal Simati (jika ada)
5. Salah satu dari dokumen berikut:
 - a. Sijil Nikah/Sijil Perkahwinan/Cabutan Daftar Perkahwinan
 - b. Sijil Kelahiran
 - c. Kad Pesara Kerajaan
 - d. Sijil Faraid

e. Salah satu dokumen rasmi yang membuktikan pertalian daripada:

- i. Jabatan Kemajuan Orang Asli
- ii. Jabatan Pendaftaran Negara
- iii. Pejabat Agama Islam
- iv. Mahkamah Anak Negeri Sabah/Sarawak

2. Unit Pelaburan Terkumpul melebihi RM10,000

Sekiranya simati mempunyai pelaburan terkumpul melebihi RM10,000 di dalam tabung unit amanah ASNB, waris/pentadbir perlu mendapatkan salah satu dokumen pembahagian harta pusaka terlebih dahulu mengikut klasifikasi harta dan jumlah harta seperti berikut:

1. Surat Kuasa Mentadbir/Geran Probet dari Mahkamah Tinggi
Sivil
2. Surat Akuan/Arahan dari Amanah Raya Berhad
3. Perintah Pembahagian dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah &
Galian
4. Surat Kuasa Mentadbir dari Mahkamah Anak Negeri
Sabah/Sarawak

5. Surat Kuasa Mentadbir dari Mahkamah Rendah/Tinggi Syariah Sabah/ Sarawak
6. Perintah dari Mahkamah Tinggi Syariah yang menyatakan aset simati adalah 'Hibah'

Setelah dokumen pembahagian harta diperolehi melalui salah satu institusi yang dinyatakan di atas, waris/pentadbir boleh menuntut baki pelaburan tersebut dengan menghadirkan diri ke cawangan ASNB dengan melengkapkan dan mengemukakan dokumen yang diperlukan seperti berikut:

1. Borang Tuntutan Unit Pelaburan (Borang T1)
2. Salinan Sijil Kematian
3. Salinan Kad Pengenalan waris/pentadbir/wasi
4. Buku dan Sijil Pelaburan asal simati (jika ada)

Selain itu, sejak Mac 2013, ASNB telah menyediakan kemudahan perkhidmatan instrumen perwarisan melalui Hibah Amanah bagi pemegang unit beragama Islam dan Pengisytiharan Amanah bagi yang bukan beragama Islam. Kemudahan ini disediakan bagi membantu pemegang unit merancang dengan bijak agar pelaburan mereka dapat diagihkan dengan lebih cepat setelah pemegang unit

meninggal dunia tanpa melalui proses pentadbiran harta pusaka yang rumit dan panjang.